

CSR: SEJAUH MANA PENGLIBATAN PELAJAR?

"Pelajar semakin berubah ke arah positif dalam melibatkan diri dengan CSR bagi membantu masyarakat"

Rijve Arefin, 22,
Pelajar Tahun 4,
Fakulti Ekonomi dan
Pengurusan, UPM



Tanggungjawab sosial korporat (CSR) adalah untuk membantu dalam kebajikan dan kebaikan kepada masyarakat. Setiap yang bergelar mahasiswa pula pastinya sudah biasa dengan penglibatan di universiti. Malah, dalam tidak sedar sebenarnya CSR ini sudah dipupuk bermula fasa

persekolahan lagi. Pelbagai aktiviti kemasyarakatan yang boleh dijalankan para sukarelawan ini untuk membantu meringankan beban mereka yang kurang bernasib baik atau kurang berkemampuan, aktiviti alam sekitar dan sebagainya. Bagi kalangan penuntut institusi pengajian tinggi (IPT) juga tidak ketinggalan menyertainya.

"Saya lihat di UPM, pelajar sangat berminat untuk memulakan perniagaan bagi membantu masyarakat luar terutama komuniti setempat."

Nurul Jannah Abdul Saheed,
22, Fakulti Ekonomi dan
Pengurusan, UPM



"Saya banyak terlibat dengan NGO melakukan kerja kesukarelawanan dan ramai rakan saya bertanya bagaimana ingin melibatkan diri dalam aktiviti sebegini."

Shomy Hassan, 22, Fakulti
Ekonomi dan Pengurusan, UPM



"CSR dalam kalangan pelajar sejak lima tahun kebelakangan ini semakin meningkat, terutamanya dalam bidang keusahawanan sosial."

Nafiz Ahmed, 22,
Fakulti Ekonomi dan
Pengurusan, UPM



"Kesedaran mengenai CSR dalam kalangan pelajar semakin meningkat tetapi aktiviti di luar kampus masih kurang."

Wong Shy Kit, 23, Fakulti
Kejuruteraan, UPM



"Media berperanan penting dalam mempengaruhi pelajar untuk terlibat dalam aktiviti CSR."

Mohammad Ishraq Zaman, 22,
Fakulti Ekonomi dan
Pengurusan, UPM



"Pelajar semakin aktif menyumbang kepada masyarakat seperti membantu golongan miskin dan beri bantuan kepada gelandangan."

Ong Kai Jing, 22, Fakulti
Ekonomi dan Pengurusan, UPM

